

Banjir kilat: Lalu lintas sesak, ribuan kenderaan terkandas

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Beribu-ribu kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas di beberapa laluan utama menuju ke ibu negara akibat banjir kilat selepas hujan lebat selama dua jam petang ini.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan dalam kejadian hujan lebat yang bermula pada pukul 5 petang itu.

Keadaan banjir kilat mencebutkan kelam-kabut di sekitar ibu negara dipercayai berpunca daripada kegagalan Air Sungai Bunus menampung limpahan air semasa hujan lebat menyebabkan banyak kenderaan terkandas di sepanjang Jalan Tun Razak, Jalan Pahang dan Jalan Masjid India.

Banjir kilat itu juga menyebabkan beberapa batang jalan raya tidak dapat dilalui kerana dinaiki air hampir 0.5 meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kesesakan trafik yang teruk berlaku di beberapa jalan utama termasuk Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Razak, Jalan Parlimen, Jalan Ampang,


Brickfields, Pantai Baru, Jalan Syed Putra, Lebuh raya Mahameru, Pusingan Cheras-Billion Roundabout, Jalan Bangsar dan Jalan Pahang.

Jurucakap polis trafik Jalan Bandar berkata, rata-rata kawasan yang terbabit dengan banjir dinaiki air antara 0.5 hingga satu meter dan ia boleh dilalui kenderaan dengan keadaan berjaga-jaga.

"Boleh dikatakan hampir semua laluan termasuk jalan-jalan kecil di ibu kota dibarisi kenderaan-kenderaan yang cuba mengelak kesesakan di jalan-jalan utama," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, tiada kemalangan besar akibat hujan lebat itu tetapi tiga lampu isyarat (Jalan Parlimen menuju ke Cenderawasih, Jalan Sultan Ismail ke Jalan Raja Laut dan Jalan Sultan Ismail ke Ampang (dekat Hotel Renainssance) tidak berfungsi akibat dipanah petir.

Katanya, beberapa anggota polis dikerahkan untuk memantau dan melancarkan aliran trafik.



BEBERAPA kenderaan meredah jalan yang dinaiki air di Jalan Parlimen menghala ke Jalan Duta selepas hujan lebat selama dua jam di ibu negara, semalam.